

Kenyataan karya

WARTA APT 1960

Adalah sebuah karya berbentuk installasi cacatan visual antropologi terhadap respond kehilangan ruang pengkaryaan alami BalBuk Haus terhadap pengwartaan kerajaan melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 .

Balbuk Haus adalah ruang mandiri untuk acara seni terbuka dan kafe kecil di tengah bendang yang berkonsepkan alamraya, diskusi dan makanan. Telah dipetakan sebagai lokasi ekosistem seni bagi negeri Perlis dalam Jelajah Seni Malaysia pada bulan March 2022 lalu oleh Balai Seni Negara di bawah Kementerian Seni dan Pelancongan Malaysia.


Manakala Dapoq BalBuk pula ialah sebuah label dalam memproduksi hasil makanan seperti contoh Nasi Lalap Tawau, Sambal Tomat dan Ropang Ayam Suwir yang mana pada awalnya adalah karya seni kulinar dalam installasi seni laku hidup.

Kebun BalBuk pula sebuah ruang edukasi tanaman dan memproduksi sumber asas dalam konsep kebun dapur untuk penghasilan beberapa produk daripada Dapoq BalBuk misalnya untuk dua menu autentik kami iaitu Teh Clitoria yang menggunakan bunga telang dan Ropang Ayam Suwir yang menggunakan ulam raja. Kedua-dua sumber asas ini ditanam sendiri. Kebun Balbuk juga sebagai sebuah ruang komuniti dalam edukasi pertanian.

Pondok BalBuk pula adalah sebuah ruang dalam perkongsian edukasi melalui penganjuran acara berbentuk wacana, diskusi dan kempen- kempen kesedaran terutama seni,sastera, alam sekitar dan kerohanian.

Kampung BalBuk: produk yang sedang diekploritasikan secara sihat untuk kesinambungan yang menyeluruh bagi menarik lebih ramai pelancong luar menikmati keindahan sawah bendang, suasana ketenangan dan penorama bukit batu kapur yang mempunyai pelbagai tingalan sejarah dan khazanah yang penuh kontradiksi. BalBuk Haus merupakan lokasi produk pelancongan baharu di negeri Perlis sepetimana yang telah dititah oleh baginda Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang disiarkan pada 31 Julai 2022

Pada March 2022, BalBuk Haus telah dipetakan sebagai Ruang Ekosistem Seni dalam Jelajah Seni Malaysia oleh Balai Seni Negara seterusnya pada Julai 2022 Tuanku Raja Muda Perlis mengistiharkan BalBuk Haus merupakan produk pelancongan baharu Negeri Perlis dan 2022 juga Jabatan Pertanian Negeri Perlis mengangkat BalBuk Haus sebagai produk agro pelancongan untuk dijadikan salah satu pemangkin kepada pelancongan lokal beraskan pertanian.



BALBUK HAUS

Singkatan kepada nama kampung pengkarya iaitu Kampung Balik Bukit.

BalBuk Haus adalah ruang pengkaryaan alami yang merespond kepada ekosistem alam, ekonomi dan sosial

Penjelasan konsep installasi **WARTA APT 1960**

Melalui dokumen-dokumen dan eviden berkaitan pengwartaan dan Akta Pengambilan Tanah 1960 tersebut, segala dokumen tersebut akan dipersembahkan dalam pelbagai medium pengkaryaan termasuk installasi sebagai karya yang akan berinteraksi dengan audien dan ruang.

Keseluruhan karya-karya tersebut akan diterjemahkan dan akan dipamerkan sekitar ruang BalBuk Haus sendiri sesuai dengan konsep karya ini iaitu isntallasi seni laku umum secara alami di tengah bendang.

Penjelasan karya **warta/gazet**

(gazét); menggazet mewartakan, mengumumkan, atau mengisyiharkan (secara sah dlm media rasmi)

APT 1960

Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT) [Akta 486] adalah undang-undang Malaysia yang digubal bagi maksud mengambil tanah (harta) seseorang secara paksa dengan syarat atau jaminan bahawa tuan punya tanah dan orang-orang lain yang turut berkepentingan ke atas tanah itu mendapat pampasan yang mencukupi. Kewujudan akta ini adalah selari dengan semangat Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

Melalui warta yang dikeluarkan oleh kerajaan melalui Akta Pengambilan Tanah 1960, sebagai rakyat Malaysia yang menjunjung Rukun Negara dan menghormati perlembagaan. Pengwartaan tersebut yang bertarikh 15 JUN 2023 haruslah dipatuhi selayaknya sejarah yang telah termaktub dalam Akta Pengambilan Tanah 1960.

BalBuk Haus sebagai sebuah ruang pengkaryaan turut menerima kesan daripada penguatkuasaan akta tersebut yang mana akan memberi impak kepada bentuk dan ruang estetika dan ekosistem alam, sosial dan ekonomi untuk keseluruhannya.